



KABGold®
Knowledge | Asset | Bullion

KABGold®



NOTA EMAS RINGKAS KAB GOLD

5 PERKARA ASAS YANG PERLU ANDA TAHU
TENTANG SIMPANAN EMAS
BERSAMA KAB GOLD

kemaskini Mei 2025

2
0
2
5



1. APA ITU KAB GOLD?

- Nama penuh KAB Gold ialah KAB Goldynamics Sdn. Bhd. (1240458-V).
- KAB Gold adalah sebuah syarikat milik penuh bumiputera Muslim dan dipandu oleh Syariah. Ia diasaskan pada tahun 2017 dan mula bergerak aktif pada 3 Februari 2021.
- Aktiviti utama KAB Gold ialah menjual dan membeli emas dan perak fizikal dalam bentuk gold bar, dinar dan barang kemas.
- Motto KAB Gold ialah Knowledge, Asset, Bullion. Ilmu adalah asas utama untuk membina aset dalam bentuk ketulan emas. Di KAB Gold, ilmu emas dan kewangan diberikan secara percuma.
- KAB Gold diasaskan bersama oleh Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Khairul Anuar Basri. Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar bertindak sebagai Pengerusi dan Khairul Anuar Basri adalah Ketua Pegawai Eksekutif.



- Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar adalah ikon kewangan Islam antarabangsa dan seorang usahawan yang sangat terkenal. Beliau juga adalah pemilik kelab bolasepak Kedah Darul Aman FC dan beberapa entiti perniagaan yang lain.
- Khairul Anuar Basri pula adalah ikon Al-Quran tanahair yang berpengalaman luas dalam aktiviti jual beli emas fizikal sejak tahun 2013 lagi. Beliau juga adalah penasihat Syariah institusi kewangan Islam yang diiktiraf.
- Penasihat Syariah KAB Gold ialah Dr Ahmad Sufyan Che Abdullah. Beliau adalah seorang pakar muamalat yang terkenal. Sekarang beliau bertugas di Universiti Malaya.
- Pengesah ketulenan emas keluaran KAB Gold ialah Abdul Shukor Anuar dari KL Assay Office (M) Sdn. Bhd. Beliau adalah ahli kimia berdaftar yang sudah tidak asing lagi dalam industri emas.
- Ibu pejabat KAB Gold berada di Unit 35-1 & 35-2, Blok B, KL Traders Square, No. 99, Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.



- Setakat ini, KAB Gold telah pun membuka cawangannya yang pertama di No 41, Lorong Permata 1/1, Bandar Permata Lunas, 09600, Lunas, Kedah Darul Aman.
- Pelanggan berdaftar KAB Gold bukan saja berada di seluruh Malaysia tetapi juga di luar negara seperti Singapura, Brunei, Indonesia dan lain-lain.
- KAB Gold boleh dicapai di semua platform media sosial melalui link <https://linktr.ee/KABGoldynamics>.



2. MENGAPA PERLU SIMPAN EMAS?

- Emas adalah salah satu daripada alat kewangan yang mempunyai fungsi dan kelebihan yang tersendiri. Ia mesti ada dalam portfolio kewangan peribadi dan institusi.
- Emas adalah salah satu daripada 7 perkara yang disebut dalam Al-Quran. Ia menjadi tarikan kepada mata yang memandang. Sudah tentu tersembunyi di sebaliknya seribu satu kelebihan.
- Emas adalah wang asal sejak turun temurun. Pada awal penciptaan duit kertas pun, emas masih lagi dijadikan sandaran sehinggalah sandaran itu dihapuskan dan duit kertas boleh dicetak mengikut keperluan.
- Emas adalah simpanan alternatif kepada simpanan tunai. Naluri wang adalah berbelanja. Naluri emas adalah mengumpul. Jika kita selalu gagal menyimpan wang, simpanlah dalam bentuk gram emas.



- Emas adalah pelaburan jangka panjang yang baik. Harga emas naik dan turun secara jangka pendek tetapi sentiasa menaik secara jangka panjang. 20 tahun dahulu, harga segram emas kurang dari RM100. Tetapi pada hari ini, harga segram emas sudah mencapai RM500.
- Emas adalah penyelamat apabila kita menghadapi masalah kewangan. Ia boleh dijual atau digadai untuk mendapat tunai segera. Siapa yang ada duit, belum tentu ada emas. Tetapi siapa yang ada emas, pasti ada duit.
- Emas diikat dengan berat. Jika harga emas naik, kekayaan pemiliknya bertambah walaupun beratnya tidak bertambah. Jika harga emas turun, gram emas tidak berkurangan walau sedikit pun.
- Emas adalah aset sebenar yang boleh dimiliki secara sedikit demi sedikit. Jika matlamat akhir ialah memiliki 1 kilogram emas, ia boleh dibeli secara berperingkat sehinggalah cukup 1 kilogram.



- Emas boleh dimanfaatkan untuk mencapai matlamat peribadi. Ada yang menyimpan emas untuk berkahwin, dijadikan mas kahwin, mengerjakan haji dan umrah, membina rumah kediaman, menampung belanja pendidikan anak-anak dan sebagainya.
- Emas adalah save heaven investment. Harganya akan naik mendadak apabila berlaku ketidakstabilan ekonomi, politik dan sosial.
- Emas boleh mengimbangi kenaikan kadar inflasi dan kos sara hidup. Duit pula semakin hari semakin susut nilainya. Jumlah wang yang sama, tidak boleh membeli barang yang sama pada masa hadapan.

3. BAGAIMANA BERMULA DENGAN KAB GOLD?

- Setiap pelanggan yang ingin memiliki produk emas KAB Gold mestilah terlebih dahulu mendaftarkan diri di laman sesawang www.KABGold.my.
- Isi semua maklumat peribadi. Jika mendaftar melalui link rujukan, kod introducer akan terpapar secara automatik. Jika tidak, isi kod introducer orang yang memperkenalkan kepada KAB Gold atau boleh abaikan sahaja.
- Setelah selesai, buka emel dan klik link untuk mengesahkan (verify) pendaftaran.
- Selepas itu, daftar masuk ke laman sesawang dengan menggunakan ID dan juga kata laluan masing-masing.
- Semua pelanggan berdaftar akan diberikan ID yang dinamakan sebagai KAB code.
- Segala urusan niaga boleh dilakukan secara atas talian menggunakan laman web rasmi KAB Gold.



- Pelanggan boleh memilih sama ada untuk membuat pembelian menggunakan kaedah Belian Terus atau melalui Uncang Emas.
- Belian Terus bermaksud, para pelanggan memilih produk fizikal di katalog, item emas yang khusus sama ada gold bar atau dinar. Pilih kaedah pengambilan sama ada ambil sendiri atau pos dan seterusnya selesaikan pembayaran.
- Uncang Emas ialah akaun emas bersandarkan emas fizikal. Ia adalah kaedah terbaik untuk mengumpul emas sedikit demi sedikit. Nilai minimum yang boleh dibeli ialah 0.2 gram bagi Uncang Emas dan 1 gram bagi Uncang Emas Plus.
- Kelebihan Uncang Emas ialah para pelanggan mempunyai 2 pilihan samada membiarkan sahaja gram emas dalam akaun atau boleh difizikalkan dalam bentuk gold bar atau dinar.
- Jika terdapat sebarang kemusykilan, boleh rujuk introducer masing-masing atau whatsapp saja kepada Admin KAB Gold di nombor +60 10-323 3341.



4. BAGAIMANA MENJANA PENDAPATAN DI KAB GOLD?

- Selain daripada membeli emas sebagai simpanan peribadi, para pelanggan berdaftar juga boleh menjana pendapatan di KAB Gold.
- Model perniagaan KAB Gold ialah rujukan (referral). Setiap pelanggan mesti mempunyai introducer dan boleh menjadi introducer kepada orang lain.
- Introducer yang berpangkat Executive Partner (EP) akan menikmati insentif untuk beliannya sendiri dan juga belian orang yang berdaftar di bawahnya.
- Secara asasnya, nilai insentif yang bakal dinikmati oleh EP bergantung kepada tahap EP itu sendiri.
 - Gold Advisor - 1.2%.
 - Gold Manager - 1.7%.
 - Gold Group Manager - 2.2%.



- Para pelanggan boleh menjadi EP dengan belian tertentu yang ditetapkan oleh KAB Gold. Ia bergantung kepada promosi dan boleh berubah pada setiap masa.
- Potensi pendapatan adalah tidak terhad. Semakin besar empayar emas seseorang EP, semakin besar potensi pendapatan yang bakal dinikmati.
- Melalui model rujukan, EP hanya perlu kongsi link rujukan yang boleh didapati daripada akaun peribadinya di laman sesawang KAB Gold kepada seramai mungkin prospek atau bakal pelanggan. Prospek atau bakal pelanggan yang berdaftar melalui link tersebut akan menjadi pelanggan di bawahnya sampai bila-bila.
- EP tidak perlu menyimpan stok emas untuk dijual kepada pelanggan. EP hanya perlu memperkenalkan kepada KAB Gold, mendaftarkannya seterusnya membimbing pelanggan baru untuk berurusan sendiri dengan KAB Gold.
- Seterusnya, EP perlu membimbing pelanggan di bawahnya agar menjadi seorang penyimpan emas yang berjaya. Itulah rasional mengapa KAB Gold membayar insentif kepada EP.

5. APAKAH SISTEM SOKONGAN DI KAB GOLD?

- Untuk semua pelanggan berdaftar KAB Gold dan juga bakal pelanggan, KAB Gold sentiasa komited untuk menyediakan sistem sokongan yang mantap dan menyeluruh.
- Semua pelanggan boleh berurusan terus dengan KAB Gold melalui ibu pejabat di Kuala Lumpur atau cawangan di Bandar Permata Lunas, Kedah. Cawangan-cawangan lain juga akan dibuka dan masih dalam proses perancangan.
- Kelas-kelas bimbingan juga sangat aktif dianjurkan oleh KAB Gold di ibu pejabat atau di lokasi lain yang diumumkan dari semasa ke semasa. Ia adalah percuma.
- Sesi bimbingan secara atas talian di media sosial milik KAB Gold juga diadakan secara berkala. Ikuti pengumumannya di semua platform media sosial KAB Gold.
- Kelas-kelas secara online juga giat dianjurkan oleh barisan EP aktif KAB Gold.



- Para pelanggan boleh membaca buku yang dihasilkan oleh pengasas KAB Gold dan KAB Gold Executive Partner sendiri. Setakat ini, buku yang tersedia ialah Celik Wang Usia Muda (Iman Zulkifli & Khairul Anuar Basri), Emas dan Syariah (Mohd Daud Bakar & Khairul Anuar Basri) dan Kaya Itu Mulia (Mohd Nazif Badruddin & Khairul Anuar Basri). Akan datang, buku Kisah Orang Bijak I & II hasil nukilan sekumpulan EP aktif KAB Gold akan berada di pasaran.
- EP KAB Gold juga sangat aktif di media sosial. Banyak maklumat dan ilmu dalam bentuk tulisan dan infografik disediakan oleh mereka.
- Ketua Pegawai Eksekutif KAB Gold, Khairul Anuar Basri sendiri sangat aktif dan turun padang untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan dan kehebatan simpanan emas.
- Beliau kerap diundang untuk memberikan ceramah tentang emas. Beliau selalu aktif menulis di page USTAZ EMAS DAN DINAR dan telegram di <https://t.me/BimbinganEmasKABGold>.